

Parlimen; GRC lebih kecil beri peluang saksama pada semua parti politik

Berita Harian, 29 January 2016

MEMBUKA lebih banyak peluang, lebih adil tanpa mengetepikan kepentingan perwakilan kaum minoriti.

Demikian antara reaksi mengenai rancangan mengecilkan saiz purata Kawasanundi Perwakilan Kumpulan (GRC) dan menambah Kawasan Undi Perseorangan (SMC).

Pengerusi AMP, Encik Abdul Hamid Abdullah, berkata ia satu langkah ke depan yang baik, sejajar dengan kecenderungan generasi lebih muda yang mahu melihat pertandingan lebih saksama tanpa menjejaskan golongan minoriti.

Ia memberi lebih banyak ruang dan peluang bagi parti pembangkang ke parlimen, kata beliau yang sependapat dengan pengerusi Mesra, Encik Omar Ismail, dan Presiden Persatuan Bertindak Ginjal bagi Masyarakat Islam (MKAC), Encik Ameerali Abdeali.

"Calon di SMC perlu benar-benar menunjukkan kebolehan mereka," kata Encik Ameerali.

Perubahan itu, menurut Zamil penyelidik kanan Institut Pengajian Dasar, Dr Gillian Koh, sekali gus menjawab kritik bahawa GRC sekarang terlalu besar hingga menyukarkan parti politik kecil menampilkan calon.

Mengecilkan saiz GRC adalah wajar selagi kaum minoriti diwakili, ujarnya.

Perubahan itu bermanfaat bagi parti politik kerana ia memudahkan mereka menampilkan calon dan persaingan menjadi lebih sihat, kata Presiden Taman Bacaan, Encik Abdul Halim Kader, dan Presiden Pertapis, Encik Hussaini Abdullah.

"Namun konsep GRC tidak akan diluputkan. Ia perlu dikekalkan bagi menjamin perwakilan minoriti," kata Encik Abdul Halim.

Perubahan itu juga mungkin mengubah landskap politik Singapura dengan parti politik akan menjadi lebih matang bagi kebaikan Singapura, kata pemimpin akar umbi, Encik Muhammad Faizal Othman.

Dengan kematangan yang meningkat dan peralihan masa, Encik Hussaini pula berkata mungkin calon Melayu mempunyai peluang saksama bertanding di SMC kelak.

"GRC yang lebih kecil sepertimana yang dicadangkan Perdana Menteri akan membolehkan AP berhubung dengan lebih rapat dengan penduduk di kawasan kami. Inilah yang membuat Singapura lebih kuat - bahawa kita akan menjaga satu sama lain, tidak kira latar belakang, demi kepentingan negara kita secara keseluruhan."

- Encik Saktiandi Supaat (GRC Bishan-Toa Payoh) mengenai langkah mewujudkan GRC lebih kecil.

"Tentu sekali kita mahu lihat perwakilan daripada masyarakat kita. Namun, kita mahu anak Melayu dipilih kerana dialah yang terbaik dan bukan hanya kerana dia orang Melayu. Maka itu, walaupun saya alu-alukan keprihatinan pemerintah kepada kepentingan masyarakat

minoriti, saya juga rasa masyarakat Melayu/Islam perlu terus kuat berusaha agar dapat menjana generasi pelapis berkaliber dan mampu bersaing bukan sahaja di Singapura bahkan juga di persada antarabangsa."